

Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dengan Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia

Noornajihan Jaafar

*Universiti Sains Islam Malaysia
noornajihan@usim.edu.my*

Ab. Halim Tamuri

*Kolej Universiti Islam Selangor
tamuri67@gmail.com*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap efikasi kendiri (EK), tahap kualiti guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah kebangsaan di Semenanjung Malaysia dan hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik merupakan instrumen utama kajian. Teknik pensampelan kelompok atas kelompok digunakan bagi menentukan sampel kajian. Saiz sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 544 orang GPI yang mewakili populasi seramai 8562 orang GPI di SMK semenanjung Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan EK GPI dan kualiti GPI masing berada pada tahap sangat tinggi ($\text{min}=4.32$) dan cemerlang ($\text{min}=4.32$). Analisis Pearson pula menunjukkan terdapatnya korelasi yang sederhana dan positif antara EK dengan kualiti GPI ($r=0.619$).

Kata kunci: Efikasi kendiri, kualiti guru Pendidikan Islam.

ABSTRACT

This study was designed to examine self-efficacy (SE), the quality and the relationship between the two variables with the quality of TIS. This study used a quantitative approach and the questionnaire was the main instrument. Multi stage cluster sampling technique was used to determine the sample. The sample size involved in this research were 544 TIS representing a population of 8562 TIS national secondary school in Peninsular Malaysia. The results showed that SE of TIS were very high ($\text{min}=4.32$) and TIS quality at an excellent level ($\text{min}=4.32$). In addition, moderate and positive correlation between SE with TIS quality ($r=0.619$).

Key words: Self Efficacy, teacher quality in Islamic Education

PENGENALAN

Peranan guru sebagai nadi dalam memperkukuhkan dan memajukan bidang pendidikan di negara ini tidak dapat disangkal. Peranan guru sebagai agen perubahan boleh direalisasikan melalui fungsinya sebagai wadah penyampai ilmu, pencorak minda dan pembentuk sahsiah. Dalam melahirkan generasi akan datang yang tinggi keupayaan kognitifnya, penuh dengan nilai murni dan kuat pegangan ajaran agamanya, maka guru perlu bertindak sebagai penggerak kepada transformasi pendidikan negara (Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2012b).

Era globalisasi, dunia tanpa sempadan menyaksikan peranan guru yang makin mencabar. Beban guru semakin berat sehingga menuntut kesabaran serta ketanggungan yang hebat (Abdullah Md. Din, 2011; Mohd Kamal Hassan, 2011). Tidak ketinggalan juga dalam hal ini GPI. Malah tanggungjawab GPI dilihat lebih besar kerana gelaran ustaz dan ustazah memikul bersama tugas sebagai pendakwah (Ab. Halim Tamuri, 2012; Ahmad Kilani Mohamed, 2005; Asmawati Suhid, 2005).

Isu-isu seperti keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja menyebabkan guru terpaksa berjuang untuk menggalas amanah yang telah diberi. Guru juga turut berhadapan dengan cabaran ledakan teknologi maklumat. Paparan-paparan di media elektronik mahupun media cetak menjadi tontonan kegemaran remaja pada hari ini. Hal ini demikian sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran, sikap dan tingkah laku remaja.

Kualiti GPI sebagai *murabbi* harus dihayati oleh para pendidik dalam mendepani ragam murid pada abad ini. Hal ini demikian kerana, untuk membentuk generasi Muslim yang holistik dan seimbang dari segi rohani, emosi, intelek dan jasmani, seseorang guru itu bukan sekadar hanya menyampaikan ilmu bahkan turut membimbing para murid. Pembimbing yang unggul memerlukan seseorang guru itu menghayati ciri-ciri seorang *murabbi* iaitu satu pakej kualiti guru yang bersandarkan kepada hadis-hadis Nabi s.a.w. Hal ini demikian bersesuaian dengan matlamat PI itu sendiri yang antaranya mengangkat martabat al-Quran dan Sunnah sebagai tunjang dalam pembelajaran sepanjang hayat bagi mendapatkan ilmu, kemahiran dan penghayatan (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Penghayatan kualiti GPI sebagai *murabbi* yang terzahir melalui amalan seharian GPI memerlukan satu bentuk keyakinan dan kepercayaan diri untuk melakukannya (al-Ghazali t.th.). Kepercayaan inilah yang dikenali sebagai EK guru (Bandura, 1997; Gibson & Dembo, 1984).

Realiti Cabaran Guru Pendidikan Islam Berkualiti

Kajian ini bertitik tolak daripada realiti cabaran yang terpaksa dihadapi, bukan sahaja oleh GPI bahkan hampir semua yang bergelar guru. Bahkan cabaran bagi menyediakan guru yang berkualiti merupakan isu global yang menjadi perhatian pembuat dasar pendidikan bagi setiap negara (Corcoran, 2007; Darling-Hammond et al., 2009). Namun, tanggungjawab yang lebih berat digalas oleh GPI kerana telah termaktub secara langsung dalam FPI bahawa GPI bertanggungjawab membentuk murid yang berjaya bukan sahaja di dunia dan bahkan di akhirat dengan menjadi hamba Allah s.w.t. yang berkemahiran, berkeperibadian tinggi serta mempunyai tasawwur kehidupan yang selari dengan ajaran Islam dan seterusnya bertanggungjawab kepada diri, masyarakat dan alam semesta (Abdullah Md. Din, 2011).

Pendidikan anak-anak yang pada asalnya berada di bawah naungan keluarga, kini telah diambil alih sebahagian besar tugasnya oleh guru-guru, khususnya GPI dalam mendidik generasi muda (Ab. Halim Tamuri, 2011). Hal ini demikian disokong dengan kajian (Ab. Halim Tamuri, 2011) yang mendapati bahawa GPI lebih berpengaruh daripada ibu bapa dalam membentuk tahap penghayatan Islam murid dengan nilai r masing-masing 0.477 (GPI) dan 0.364 (ibu bapa). Walaupun pada teorinya ibu bapa yang memainkan peranan utama dalam mendidik anak-anak dan guru hanya menyokong di sekolah, tetapi hakikatnya, masa murid lebih banyak di sekolah berbanding di rumah. Persoalannya, mampukah GPI memainkan peranan selaku ibu-bapa di sekolah. (Ab. Halim Tamuri, 2011).

Kesediaan para guru menghadapi cabaran tanggungjawab serta senario murid masa kini secara tidak langsung dipengaruhi oleh kepercayaan guru terhadap kemampuan serta keupayaan diri

dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut (Casey, 2011; Coady et al., 2011; Pas et al., 2011). Kepercayaan peribadi inilah yang dikenali sebagai EK (Bandura, 1994; Henson et al., 2000; Ross, 1995). Justeru, tahap EK GPI dalam mendidik murid, secara langsung mempengaruhi amalan dalam pengajaran dan keperibadian GPI. Hal ini seterusnya memberi impak kepada pencapaian akademik dan sahsiah murid (Donna, 2007; Hassan Langgulung, 1986, 1987).

Kajian lepas telah menunjukkan bahawa EK merupakan antara elemen penting dalam proses P&P yang mana ia mempengaruhi kualiti seseorang guru (Abu-Tineh M. A. et al., 2011; Bandura, 1993; Ishak Sin, 2001; Martínez-López et al., 2010; Mason, 2010; Rafisah Osman, 2009; Rimm-Kaufman & Sawyer, 2004; Rorlinda Yusof, 2009; Steele, 2010; Weisel & Dror, 2006; Yoon, 2002) dan amalan pengajarannya (Hartman, 2010; Rimm-Kaufman & Sawyer, 2004; Settlage et al., 2009; Ylmaz & İava, 2008). Dalam konteks Malaysia, kajian berkaitan EK guru masih kurang. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kedapatan beberapa kajian sahaja yang menggunakan EK guru sebagai salah satu pemboleh ubah, antaranya kajian yang telah dijalankan oleh Ishak Sin (2001), Sazali Yusoff (2004), Khalid Johari et al. (2005) Saaidah (2005) Rahmah Murshidi (2005) Khalid Gazali (2005), Tengku Lung Kui (2006), Rafisah Osman (2009) dan Rorlinda (2009). Setelah menelusuri kajian-kajian lepas yang berkaitan EK guru, pengkaji mendapati bahawa masih belum terdapat kajian mengenai profil EK dalam kalangan GPI dijalankan.

Kajian mengenai EK guru penting kerana ia dijadikan ukuran dalam menentukan keupayaan seseorang guru dalam pengajaran berkesan (Henson et al., 2001, Yahya Don et al., 2006). EK merupakan medium penghubung antara ilmu yang dimiliki dengan tingkah laku pengajaran (Larson et al., 1992; Khoo & Tan, 2004; al-Ghazali t.th.). Menyentuh tentang persoalan yang ditinggalkan dalam perbincangan kajian Ab. Halim Tamuri et al. (2004) berkenaan isu, di mana GPI mengetahui kaedah terbaik dalam pengajaran, namun secara realiti mereka kurang melaksanakannya, pengkaji berpandangan bahawa terdapat kemungkinan EK GPI menjadi punca masalah ini berlaku. Justeru, adalah penting kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap EK GPI dan gubungannya terhadap pembentukan kualiti GPI.

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan.
2. Menenal pasti tahap kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan.
3. Menilai hubungan antara efikasi kendiri dengan kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan.

Bagi mencapai objektif di atas, kajian ini dirangka bagi menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap efikasi kendiri guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan?
2. Apakah tahap kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan?
3. Adakah terdapat hubungan antara efikasi kendiri dengan kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan.

KEMANTAPAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI AGEN SOSIALISASI

Teori EK pada umumnya mula diperkenalkan oleh Bandura (1977) iaitu kepercayaan peribadi seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas mengikut piawaian yang telah ditentukan.

Kemudiannya teori ini telah dikembangkan oleh Ashton (1984) dan Gibson & Dembo (1984) dengan memberi fokus kepada EK guru.

EK guru seperti yang diketengahkan oleh Ashton (1984) ialah ukuran keyakinan guru bahawa beliau mempunyai pengaruh ke atas prestasi murid secara keseluruhan, bukan sahaja akademik bahkan pembentukan diri murid. Keyakinan terhadap kekuatan, kebolehan dan keupayaan diri untuk mengajar, membimbing dan mendidik murid inilah yang menjadi faktor yang membezakan antara guru (Gibson & Dembo, 1984).

Guskey (1987) berpendapat bahawa tahap EK inilah antara pemboleh ubah yang menentukan keberkesanan pengajaran seseorang guru. Hal ini demikian kerana menurut Ashton (1984) EK guru yang tinggi mempengaruhi usaha, produktiviti dan aktiviti yang dilakukan guru seterusnya membantu pencapaian murid. EK penting bagi guru kerana ia membentuk keterampilan guru (Trentham et al., 1985), mempengaruhi penerimaan dan kesediaan guru terhadap sesuatu inovasi dan cabaran tugas (Guskey, 1987), membawa kepada peningkatan kerja yang berterusan dan meningkatkan prestasi (Bandura, 1977).

Selain itu, Ashton (1984) berpandangan bahawa EK penting bagi guru kerana ia akan menjadi pendorong untuk guru menjalankan tugas-tugas membimbing dan mendidik yang mana memerlukan kepada ketahanan, kesabaran dan kreativiti yang tinggi. Guru yang mempunyai EK yang tinggi menurut Ashton (1984) sentiasa berfikir positif terhadap murid dan akan meletakkan harapan yang tinggi agar murid mereka berjaya. Rasa tanggungjawab yang tinggi membawa kepada gembleran usaha yang padu; melakukan pelbagai strategik peningkatan kecemerlangan; mengenal pasti masalah dan kelemahan; seterusnya melaksanakan tindakan pemulihan yang bersesuaian bagi memastikan kejayaan muridnya.

Manakala guru yang rendah EK menurut Ashton (1984) sering berpandangan negatif, melihat kelemahan sebagai suatu halangan yang tidak mampu dibaiki, dan tidak meletakkan apa-apa harapan terhadap murid. Mereka ini kurang rasa tanggungjawab; melihat profesion perguruan hanya sebagai satu laluan kerjaya untuk meneruskan penghidupan; tidak proaktif, sering mencari alasan untuk tidak melaksanakan tugas, tiada impian dalam kerjaya; dan seterusnya meletakkan keupayaan murid, motivasi, sikap dan latar belakang keluarga sebagai punca kegagalan murid. Hal ini demikian disokong dengan kajian Saklofske et al. (1988) yang mendapati terdapatnya hubungan positif antara EK guru dengan tingkah laku mengajar seperti penyampaian, penyzoalan dan strategi pengurusan bilik darjah.

Sehubungan itu, GPI yang berperanan sebagai *murabbi* perlu memiliki EK yang tinggi bagi memastikan tugas mendidik dan membimbing murid berjaya mencapai matlamat seperti yang telah ditetapkan dalam FPI. Hal ini demikian kerana GPI sebagai *murabbi* bukan sahaja mengajar, bahkan mempunyai gandaan tugas yang lebih berat iaitu memastikan kejayaan murid dalam akademik, sahsiah mahupun rohani. Tugas ini yang pastinya memerlukan kepada pemikiran yang jelas terhadap matlamat mendidik, ilmu, kemahiran, motivasi, sahsiah terpuji di samping ketahanan, kesungguhan, dinamik serta proaktif; menjadikan EK sebagai pemacu serta pendorong di sebalik komitmen yang besar ini.

Berdasarkan model EK guru Tschannen -Moran et al. (1998), terdapat tiga dimensi bagi mengukur EK guru, iaitu: (1) penglibatan murid; (2) strategi pengajaran dan (3) pengurusan kelas. Namun, merujuk kepada FPI yang mana antara peranan GPI adalah untuk membentuk murid yang cemerlang dunia dan akhirat, maka aspek bimbingan akademik dan sahsiah menjadi salah satu bidang tugas

bagi GPI. Justeru, pengkaji telah menambah satu lagi dimensi dalam EK GPI, iaitu dimensi keempat, dimensi bimbingan akademik dan sahsiah.

Penglibatan murid bukan sahaja dijadikan ukuran dalam menilai keberkesanan sesebuah sesi pengajaran, bahkan ia juga dijadikan ukuran bagi mengukur tahap EK guru (Tschannen-Moran et al., 1998). Murid akan terdorong untuk melibatkan diri dengan aktiviti dalam bilik darjah (kurikulum) mahupun aktiviti luar bilik darjah (ko-kurikulum) apabila mereka sering diberikan dorongan serta galakan daripada guru. Murid akan teruja apabila guru kerap memberikan galakan dan seterusnya murid akan bersaing antara satu sama lain untuk mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti kurikulum ataupun ko-kurikulum (Brewster & Fager, 2000).

Strategi pengajaran juga merupakan antara aspek yang dinilai dalam mengukur tahap EK seseorang guru (Tschannen-Moran et al., 1998). Strategi pengajaran merupakan perancangan tindakan atau tersusun dalam sesuatu sesi pengajaran. Ia merangkumi penetapan pendekatan berdasarkan objektif pelajaran; pemilihan kaedah dan teknik mengajar berasaskan pendekatan yang ditetapkan; penyusunan kaedah dan teknik mengajar secara terancang; perancangan terhadap peruntukan masa bagi setiap langkah pengajaran; dan penggunaan BBM mengikut keperluan bagi setiap kaedah dan langkah (Mak Moon Song, 2009).

Bilik darjah merupakan medium utama seorang guru menjalankan tugas, peranan dan tanggung jawab. Pengurusan bilik darjah sangat mencabar walaupun pelbagai teori dan teknik telah dipelajari semasa mengikuti latihan perguruan. Kemahiran pengurusan bilik darjah tidak akan dapat dikuasai dengan hanya mempelajari teori. Pengalaman mengajar diperlukan bagi seseorang guru untuk membina kemahiran ini (Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh, 2009). Oleh demikian, ia juga turut diambil kira dalam mengukur tahap EK seseorang guru (Tschannen-Moran et al., 1998).

GPI bukan sahaja terbatas pada aspek pengajaran akademik bahkan meliputi aspek tanggungjawab yang lebih luas, iaitu membentuk keperibadian murid melalui bimbingan sahsiah. Sehubungan dengan itu, GPI perlulah menanamkan keyakinan dalaman terhadap kemampuan melaksanakan tugas ini dengan menjangkau batasan skop tugas dan masa. Hal ini demikian bermakna, GPI perlu bersedia bekorban membimbing murid di luar waktu persekolahan selain merangka aktiviti tambahan bagi mencapai kecemerlangan akademik dan sahsiah murid (Abdullah Md. Din, 2011).

Perbincangan mengenai kualiti GPI pula secara khusus telah dibahaskan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) dan Mohd Kassim Tusin (2010). Manakala perbincangan mengenai kualiti guru *murabbi* pula banyak dibahaskan oleh sarjana Islam dalam bidang pendidikan. Hal ini demikian kerana terminologi *murabbi* itu sendiri berasal daripada perkataan Bahasa Arab. Terdapat beberapa orang sarjana Islam yang membincangkan tentang kualiti GPI sebagai *murabbi* dalam penulisan mereka seperti 'Abdullah N'Alw'En (1968), al-Na'Alw'É (1979), al-xammÉdÉ (1987) dan al-xafÉz al-SuwÉid (1988).

Berdasarkan model kualiti GPI yang telah dikenal pasti, terdapat sembilan dimensi kualiti GPI yang telah dikenal pasti, iaitu: (1) pemikiran *rabbani*; (2) penguasaan ilmu agama; (3) pengamalan agama; (4) budaya keilmuan; (5) kemahiran pedagogi; (6) kemahiran psikologi; (7) kemahiran komunikasi; (8) sahsiah dan (9) sumbangan kemasyarakatan.

Menurut Taha Abdullah al-'Afifi (1998) kehidupan seorang guru yang memiliki pemikiran *rabbani* merentas setiap aspek kehidupannya (lihat Rajah 2.13) boleh dirumuskan seperti berikut: (1)

kerohanian: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* melakukan amal ibadat atas konsep ikhlas dan ihsan; (2) keluarga: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* bijak menyeimbangkan antara tanggungjawab keluarga dan kerjaya kerana percaya bahawa anak-anak merupakan pewaris untuk bekalan akhirat dan kerjaya merupakan satu keperluan untuk kehidupan di dunia; (3) sosial: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* menjaga hubungan sesama manusia kerana hubungan tersebut menjamin hubungan dengan Allah s.w.t.; (4) pendidikan: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* akan melihat pendidikan itu sebagai sumber amanah daripada Allah s.w.t. dalam proses membentuk lapisan generasi yang berilmu, berakhlak dan berketerampilan dan peluang untuk menyediakan bekalan akhirat; (5) kerjaya: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* melihat kerjaya sebagai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan sebaik mungkin, (6) harta: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* melihat harta sebagai peluang untuk menginfakkannya ke jalan Allah s.w.t. dan cubaan yang perlu di tangani dengan rasa syukur; dan (7) kesihatan: guru yang mempunyai pemikiran *rabbani* menjaga kesihatan dan menggunakan peluang sihat yang dipinjamkan Allah s.w.t. seoptimumnya di jalan yang diredhai.

Kepentingan penguasaan ilmu khususnya ilmu agama tidak dapat dinafikan. Ilmu diibarat penyuluh dalam kehidupan ini (Ibn Khaldun, 1993; al-Ghazali, t.th.). Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh soal kepentingan menguasai ilmu, antaranya dalam surah Ól-ÑImrÉn 3:18, surah FÉËir 35:28, surah al-‘An‘aÉm 6: 83; surah al-NisÉ’ 4:83 dan lain-lain. Ilmu agama yang bersifat *rabbani* bukan sahaja perlu dikuasai bahkan perlu diamalkan agar ilmu PI yang disampaikan kepada murid memperoleh keberkatan keberkesanan (Sidek Baba,, 2006).

Para guru, khususnya GPI seperti dalam konteks kajian, perlu membudayakan ilmu dalam kehidupan seharian. Tidak hanya terbatas kepada ilmu yang terkandung dalam silibus pengajaran, bahkan GPI perlu sentiasa menambahkan ilmu yang tersedia ada, di samping ilmu-ilmu semasa agar pengajaran dapat dilakukan dalam suasana yang harmoni dan menarik (Abdul Rahman Abdul Malik Khan, 2007).

Selain daripada memiliki pemikiran *rabbani*, menguasai ilmu agama, mengamal dan membudayakannya, tidak dapat tidak, seseorang GPI perlu mempunyai kemahiran dalam pengajaran seperti kemahiran pedagogi, psikologi dan komunikasi. Esah Sulaiman (2004) menjelaskan bahawa asal perkataan pedagogi adalah perkataan Greek *pedagogue* yang bermakna guru yang berpotensi dan berupaya mengajar secara berkesan. Pedagogi merupakan salah satu bidang ilmu pendidikan yang berkaitan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang optimum (Mak Moon Song, 2009). Selain itu, guru yang dikatakan berkemahiran dalam pengajaran juga perlu mempunyai kemahiran psikologi. Ilmu psikologi bermaksud ilmu yang berkaitan dengan kejiwaan bertujuan memahami tingkah laku manusia dan hubungannya dengan keadaan sekeliling (Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2012h). Justeru, GPI yang mempunyai kemahiran psikologi ialah GPI yang memahami keadaan dan tingkah laku muridnya serta bertindak mengikut keperluan seseorang murid. Selain daripada kemahiran pedagogi dan psikologi, guru yang dikatakan berkemahiran dalam pengajaran juga perlu mempunyai kemahiran komunikasi. Menurut Abdullah Hasssan & Ainon Mohd (2006) komunikasi dalam bidang pendidikan merujuk kepada proses guru menyampaikan maksud kandungan pengajaran kepada murid dalam dua bentuk, iaitu lisan dan bukan lisan. Komunikasi berkesan akan wujud apabila maksud penyampai (guru) diterima dan difahami dengan jelas oleh penerima (murid).

Kesempurnaan sahsiah juga merupakan kualiti yang perlu ada pada seseorang GPI. Ia merupakan antara aspek yang paling penting dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan

sesuatu proses pengajaran. Hal ini demikian kerana kegagalan sesebuah institusi, organisasi, bangsa, negara dan tamadun adalah banyak disebabkan oleh faktor sahsiah individunya yang rosak. Perkara ini telah dibuktikan oleh Ibn Khaldun (1993) melalui teori kelahiran dan kejatuhan sesebuah tamadun yang diketengahkan dalam ilmu tamadun berdasarkan penyelidikannya terhadap tamadun-tamadun silam.

Guru secara umum dan GPI dalam konteks kajian sebagai agen sosialisasi dan agen perubahan berperanan menyebarkan ilmu kepada masyarakat, membentuk sahsiah sesuai dengan norma dan nilai masyarakat, membentuk masyarakat penyayang, menjadi *role model* kepada masyarakat serta memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat dalam bidang yang dikuasai (Zuria Mahmud, 2002). Bagi GPI, sumbangan kemasyarakatan merupakan suatu aktiviti yang amat penting dalam memupuk hubungan yang baik antra pihak sekolah khususnya guru dengan komuniti setempat. Aktiviti sumbangan kemasyarakatan pada peringkat sekolah memerlukan kepada perancangan yang sistematik dengan mengambil kira penglibatan tenaga manusia, kos, tempoh masa dan jalinan kerjasama dengan pihak luar (Abdullah Sani Yahaya, 2005b). Terdapat pelbagai bentuk sumbangan kemasyarakatan yang boleh dilakukan oleh GPI, antaranya menyampaikan kuliah di masjid mahupun surau, membuka kelas pengajian al-Quran dan fardhu ain di waktu malam dan hujung minggu, menulis dan menghantar penulisan di majalah-majalah dan pelbagai lagi (Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara asasnya adalah berbentuk tinjauan (*survey*) yang dijalankan menerusi kaedah tinjauan deskriptif secara deduktif (Neuman, 2002), iaitu kajian dimulakan dengan pembinaan hipotesis, diikuti dengan pengukuran data kajian secara empirikal dan diakhiri dengan penganalisan secara kritikal. Jenis tinjauan yang digunakan dalam kajian ini pula ialah tinjauan semasa atau keratan lintang (*cross-sectional survey*), iaitu data dipungut sekali sahaja daripada suatu sampel pada suatu masa (Creswell, 2008).

Lokasi kajian ini ialah di beberapa buah sekolah SMK di bawah seliaan KPM. Kajian ini melibatkan beberapa buah SMK bagi empat buah negeri, iaitu Kedah, Kelantan, Selangor dan Melaka. Secara amnya, kajian ini menggunakan teknik pensampelan kelompok atas kelompok (*multi stage cluster*) bagi menentukan sampel kajian. Saiz sampel yang ditentukan dalam kajian ini adalah seramai 544 orang GPI daripada jumlah populasi seramai 8562 orang GPI.

Data soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi, 20.0. Bagi menjawab soalan kajian dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan, penganalisan data kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu analisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi.

Statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan atau membuat ringkasan terhadap data yang diperolehi daripada sampel kajian. Ia merangkumi taburan frekuensi, ukuran kecenderungan tengah (min, mod, media) dan ukuran kebolehubahan (julat, varians, sisihan piawai), selain carta, graf, jadual dan sebagainya sebagai salah satu cara bagi meringkaskan kuantiti data yang besar supaya lebih mudah difahami (Alias Baba, 1996; Azizi Yahaya et al., 2006).

Jadual 1 di bawah menunjukkan interpretasi skor min bagi setiap bahagian instrumen. Bagi Bahagian B, interpretasi skor min dibahagikan kepada lima skala, iaitu sangat rendah (1.00 hingga

1.80); rendah (1.81 hingga 2.60); sederhana (2.61 hingga 3.40); tinggi (3.41 hingga 4.20); dan sangat tinggi (4.21 hingga 5.00) (Tschannen-Moran & Gareis, 2004). Manakala bagi Bahagian C, interpretasi skor min dibahagikan kepada lemah (1.00 hingga 1.80); kurang memuaskan (1.81 hingga 2.60); sederhana (2.61 hingga 3.40); baik (3.41 hingga 4.20); dan cemerlang (4.21 hingga 5.00) (KPM, 2013).

Jadual 1 Interpretasi nilai skor min

Nilai Skor Min	(B) Interpretasi Tahap Efikasi Kendiri	(C) Interpretasi Tahap Kualiti
1.00hingga 1.80	Sangat rendah	Lemah
1.81hingga 2.60	Rendah	Kurang memuaskan
2.61hingga 3.40	Sederhana	Sederhana
3.41hingga 4.20	Tinggi	Baik
4.21hingga 5.00	Sangat tinggi	Cemerlang

Sumber: Bahagian B = Tschannen-Moran & Gareis, 2004; Bahagian C = KPM, 2013

Selain daripada statistik deskriptif, kajian ini juga mengukur data dengan menggunakan statistik inferensi. Statistik inferensi ialah anggaran parameter populasi. Manakala parameter pula ialah satu indeks populasi seperti min, varians, dan indeks-indeks lain daripada sampel kajian. Statistik inferensi membolehkan pengkaji membuat generalisasi terhadap populasi dengan melibatkan konsep kebarangkalian terdapatnya ralat berdasarkan kadar signifikan yang ditentukan (Alias Baba, 1996). Statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah korelasi *pearson*.

Pekali korelasi (r) ialah nilai pengukuran kekuatan perhubungan di antara dua pemboleh ubah. Ia merupakan satu nilai relatif dalam bentuk petunjuk skala kekuatan antara +1.00 hingga -1.00. Jadual 2 menunjukkan interpretasi kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah yang diwakili oleh nilai-nilai tertentu (Cohen, 1988; Guilford & Fruchter, 1978).

Jadual 2 Nilai julat bagi kekuatan hubungan

Nilai Skor Min	Kekuatan Hubungan
0.00	Tiada hubungan
Kurang 0.19	Sangat lemah
0.20– 0.39	Lemah
0.40– 0.69	Sederhana
0.70– 0.89	Tinggi
Lebih 0.90	Sangat tinggi

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden Kajian

Jadual 3 menunjukkan bahawa jumlah responden GPI lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 162 orang (29.8%) dan responden GPI perempuan pula adalah seramai 382

orang (70.2%). Manakala peratusan yang hampir seimbang bagi responden yang bertugas di sekolah bandar (49.8%) dengan kekerapan seramai 271 orang dan sekolah luar bandar (50.2%) dengan kekerapan seramai 273 orang. Manakala dari aspek tempoh pengalaman mengajar, seramai 18 orang GPI (3.3%) telah mengajar antara satu hingga tiga tahun. 32 orang GPI (5.9%) telah mengajar selama lebih kurang empat hingga enam tahun. Manakala baki responden selebihnya, iaitu seramai 494 orang GPI (90.8%) telah mengajar lebih daripada tujuh tahun. Kategori kelayakan akademik tertinggi pula, mencatatkan seramai 36 orang responden (6.6%) memiliki ijazah sarjana, 489 orang responden (89.9%) memiliki ijazah sarjana muda, 13 orang responden (2.4%) hanya memiliki diploma dan 13 orang responden (1.1%) memiliki STP/STPM/STAM dan yang setara dengannya.

Bagi kategori penyertaan dalam latihan/bengkel/kursus berkaitan kurikulum pula, seramai 101 orang responden (18.6%) menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti latihan/bengkel/kursus berkaitan. Manakala seramai 236 orang responden (43.4%) menyatakan bahawa mereka mengikuti kursus berkaitan sebanyak satu hingga dua kali setahun dan seramai, 207 orang responden (38.1%) pula menyatakan bahawa mereka menyertai kursus berkaitan sebanyak tiga kali dan lebih dalam setahun. Antara contoh latihan/bengkel/kursus berkaitan kurikulum yang pernah disertai oleh responden ialah bengkel membina item, bengkel PBS, bengkel penaksiran dan pembinaan soalan, bengkel JSU, bengkel pembinaan modul, kursus pemarkahan PMR dan SPM dan lain-lain.

Manakala bagi kategori penyertaan dalam latihan/bengkel/kursus berkaitan P&P, seramai 107 orang responden (19.7%) menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti latihan/bengkel/kursus berkaitan. Manakala seramai 258 orang responden (47.4%) menyatakan bahawa mereka mengikuti kursus berkaitan sebanyak satu hingga dua kali setahun dan seramai 179 orang responden (32.9%) pula menyatakan bahawa mereka menyertai kursus berkaitan sebanyak tiga kali dan lebih dalam setahun. Antara contoh latihan/bengkel/kursus berkaitan kurikulum yang pernah disertai oleh responden ialah kursus "lesson study", bengkel "master learning", bengkel ICT, kursus pedagogi menarik, kursus peningkatan PMR, kursus pemantapan kurikulum bengkel pembinaan laman web dan lain-lain.

Bagi kategori terakhir pula, iaitu penyertaan dalam latihan/bengkel/kursus berkaitan pembangunan diri, seramai 66 orang responden (12.1%) menyatakan bahawa mereka tidak pernah mengikuti latihan/bengkel/kursus berkaitan. Manakala seramai 247 orang responden (45.5%) menyatakan bahawa mereka mengikuti kursus berkaitan sebanyak satu hingga dua kali setahun dan seramai 231 orang responden (42.5%) pula menyatakan bahawa mereka menyertai kursus berkaitan sebanyak tiga kali dan lebih dalam setahun. Antara contoh latihan/bengkel/kursus berkaitan kurikulum yang pernah disertai oleh responden ialah kursus peningkatan profesionalisme, kursus etika berpakaian, latihan keselamatan kebakaran, kursus motivasi, kursus konsultasi, kursus kepimpinan, kursus integriti, kursus protokol, bengkel "*learning community*", kursus "*soft skill*" dan lain-lain.

Jadual 3 Profil responden kajian

Kategori	Kumpulan	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	162	29.8
	Perempuan	382	70.2
Lokasi Sekolah	Sekolah Bandar	271	49.8
	Sekolah Luar Bandar	273	50.2
Penyertaan Latihan/Bengkel/Kursus Berkaitan Kurikulum	tidak pernah	101	18.6
	2-1kali setahun	236	43.4
	3kali setahun atau lebih	207	38.1
Penyertaan Latihan/Bengkel/Kursus Berkaitan P&P	tidak pernah	107	19.7
	2-1kali setahun	258	47.4
	3kali setahun atau lebih	179	32.9
Penyertaan Latihan/Bengkel/Kursus Berkaitan Pembangunan Diri	tidak pernah	66	12.1
	2-1kali setahun	247	45.4
	3kali setahun atau lebih	231	42.5

Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan

Bagi menjawab soalan kajian 1, analisis deskriptif yang meliputi peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai digunakan. Secara keseluruhan, EK GPI SMK berada pada tahap yang sangat tinggi (min=4.32; s.p.=0.373). Namun demikian, jika diteliti dapatan analisis deskriptif mengikut sub konstruk seperti pada Jadual 4, tidak kesemua sub konstruk mencapai skor min sangat tinggi. Hal ini demikian kerana sub konstruk “bimbingan akademik dan sahsiah” hanya mencapai tahap tinggi (min=4.17; s.p.=0.444). Manakala sub konstruk yang lain mencapai tahap sangat tinggi, dengan turutan sub konstruk “penglibatan murid” (min=4.43; s.p.=0.474), diikuti dengan sub konstruk “pengurusan bilik darjah” (min=4.41; s.p.=0.453) dan sub konstruk “strategi pengajaran” (min=4.29; s.p.=0.424).

Dapatan ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhan, GPI sangat yakin dalam aspek penglibatan murid, pengurusan bilik darjah dan penggunaan strategi pengajaran. Namun, GPI perlu lebih berkeyakinan untuk membimbing murid di bawah jagaan mereka, samada dari aspek akademik mahupun sahsiah. Walau bagaimanapun dapatan ini akan diperincikan dalam bahagian seterusnya dengan melihat skor min bagi setiap item dalam setiap sub konstruk.

Jadual 4 Skor min dan sisihan piawai efikasi kendiri GPI berdasarkan sub konstruk

Sub Knstruk	Min	SP
Penglibatan Murid	4.43	0.474
Pengurusan Bilik Darjah	4.41	0.453
Strategi Pengajaran	4.29	0.424
Bimbingan Akademik & Sahsiah	4.17	0.444
Keseluruhan	4.32	0.373

Tahap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan

Bagi menjawab soalan kajian 2, analisis deskriptif yang meliputi peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai digunakan. Secara keseluruhan, kualiti GPI SMK berada pada tahap cemerlang dengan min=4.32; s.p.=0.373.

Namun demikian, jika diteliti dapatan analisis deskriptif mengikut sub konstruk seperti pada Jadual 5, tidak kesemua sub konstruk mencapai skor min cemerlang. Hal ini demikian kerana sub konstruk “kemahiran pedagogi”, “sumbangan kemasyarakatan” dan “pengamalan agama” hanya mencapai tahap baik dengan masing-masing (min=3.58; s.p.=0.463), (min=3.72; s.p.=0.644) dan (min=4.14; s.p.=0.436). Manakala sub konstruk yang lain mencapai tahap sangat tinggi, dengan turutan sub konstruk “penguasaan ilmu agama” (min=4.98; s.p.=0.395), “pemikiran *rabbani*” (min=4.94; s.p.=0.246), “kemahiran komunikasi” (min=4.56; s.p.=0.444), “sahsiah” (min=4.56; s.p.=0.387), “kemahiran psikologi” (min=4.49; s.p.=0.424), “budaya keilmuan” (min=4.37; s.p.=0.467).

Dapatan ini menunjukkan bahawa, secara keseluruhan, GPI cemerlang dalam aspek penguasaan ilmu agama, pemikiran *rabbani*, kemahiran komunikasi, sahsiah, kemahiran psikologi dan budaya keilmuan. Namun, GPI perlu meningkatkan kualiti mereka dari aspek kemahiran pedagogi, sumbangan kemasyarakatan dan pengamalan agama.

Jadual 5 Skor min dan sisihan piawai kualiti GPI berdasarkan sub konstruk

Sub Konstruk	Min	SP
Pemikiran <i>rabbani</i>	4.94	0.246
Penguasaan Ilmu agama	4.98	0.395
Pengamalan agama	4.14	0.436
Budaya keilmuan	4.37	0.467
Kemahiran pedagogi	3.58	0.463
Kemahiran psikologi	4.49	0.424
Kemahiran komunikasi	4.56	0.444
Sahsiah	4.56	0.387
Sumbangan kemasyarakatan	3.72	0.644
Keseluruhan	4.32	0.373

Hubungan antara Efikasi Kendiri dengan kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan

Hipotesis nol pertama (H_{01}) yang dibentuk diuji dengan analisis korelasi *pearson* bagi melihat hubungan antara EK dengan kualiti GPI. Jadual 6 memaparkan keputusan ujian yang mendapati nilai r ialah 0.619 dan $p=0.000$, iaitu $p<0.01$. Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol pertama (H_{01}) berjaya ditolak. Hal ini demikian menunjukkan bahawa terdapat hubungan sederhana antara EK dengan kualiti GPI SMK (Cohen, 1988; Guilford, 1956).

Jadual 6 Hubungan antara EK dengan kualiti GPI

Pemboleh ubah	r	Sig.
EK	0.619	*0.000
Kualiti GPI		

*Signifikan pada aras 0.01; N=544

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa EK GPI di SMK semenanjung Malaysia secara purata berada pada tahap sangat tinggi dengan didahului oleh EK dari dimensi penglibatan murid, pengurusan bilik darjah, strategi pengajaran dan bimbingan akademik dan sahsiah. Namun, jika diteliti pencapaian skor min mengikut dimensi, dimensi bimbingan akademik dan sahsiah hanya memperoleh skor min tahap tinggi sahaja, yang mana ia merupakan dimensi terendah bagi EK GPI di SMK semenanjung Malaysia.

Pada pandangan pengkaji, hal ini tidak sepatutnya berlaku. Hal ini demikian kerana, pengkaji berpendapat bahawa dimensi bimbingan akademik dan sahsiah merupakan antara misi bagi seseorang GPI, dengan merujuk kepada FPI. Manakala dimensi-dimensi lain seperti penglibatan murid, pengurusan bilik darjah dan strategi pengajaran pula merupakan medium ke arah misi tersebut. Walaupun, EK GPI bagi tiga dimensi tadi sangat tinggi, namun sekiranya EK GPI bagi dimensi yang paling penting, iaitu bimbingan akademik dan sahsiah hanya pada tahap tinggi sahaja, hakikatnya, ia belum mencerminkan tahap EK GPI yang optimum seperti yang diwakili oleh nilai skor min keseluruhan tahap EK GPI iaitu sangat tinggi.

Namun, pengkaji berpandangan hal ini mungkin disebabkan oleh faktor persekitaran GPI seperti faktor *workload* atau beban kerja, murid, sokongan ibu bapa dan komuniti, dan staf sokongan dan kemudahan, yang mana secara tidak langsung mempengaruhi EK GPI khususnya dalam aspek bimbingan akademik dan sahsiah (Bandura, 1997).

Antara andaian lain, mengapa EK GPI dalam membimbing akademik dan sahsiah murid tidak setinggi tiga lagi aspek EK adalah kerana, GPI pada pandangan pengkaji telah ada persepsi bahawa terdapat beberapa faktor persekitaran sosial yang lain, selain guru yang turut menyumbang kepada pembentukan sahsiah serta penghayatan agama murid. Hal ini dibuktikan dengan dapatan kajian Ab. Halim Tamuri (2011) yang menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran sosial adalah signifikan dalam membentuk sahsiah murid. Hal ini menurut pandangan pengkaji, menjadikan GPI masih belum mencapai tahap keyakinan yang optimum dalam membimbing akademik dan sahsiah murid kerana ia melibatkan banyak faktor lain selain guru, berbanding aspek EK GPI yang lain lebih terfokus kepada kemampuan GPI dalam bilik darjah sahaja seperti penglibatan murid, pengurusan bilik darjah dan strategi pengajaran.

Maka, bolehlah disimpulkan bahawa GPI sangat yakin dengan kemampuan mereka semasa dalam bilik darjah, namun apabila melibatkan skop yang lebih luas, iaitu membimbing akademik dan sahsiah, yang mana bukan sahaja melibatkan kemampuan GPI di dalam bilik darjah, bahkan di luar bilik darjah juga, keyakinan mereka terhadap kemampuan tersebut masih belum mencapai tahap yang optimum.

Jika cuba dilihat kepada amalan terbaik yang boleh dilakukan oleh guru dan dalam konteks kajian GPI dalam membimbing murid seperti yang dinyatakan oleh Zuria Mahmud (2009), GPI perlulah menjadi rakan kepada murid, pastikan masa yang diluangkan dengan murid terancang, meletakkan ekspektasi yang realistik terhadap pencapaian murid, menghargai perubahan positif murid walaupun kecil, elakkan kecewa dan putus asa dalam menangani permasalahan murid serta memberikan bimbingan secara ikhlas tanpa menaruh harapan untuk dihargai.

Walaupun tiada kajian berkaitan EK GPI sebelum ini dijalankan, namun dapatan ini dilihat memberikan kredit yang lebih kepada GPI jika dibuat perbandingan dengan kajian-kajian lepas yang menggunakan instrumen yang sama. Dapatan kajian ini menunjukkan GPI secara keseluruhan memperoleh skor min sangat tinggi, manakala dapatan kajian-kajian yang lain mendapati guru hanya mencapai tahap EK tinggi dan sederhana tinggi. Sebagai contoh, kajian Tengku Lung Kui (2006) berkaitan EK guru yang dijalankan di Bahagian Kuching dengan melibatkan 420 orang guru daripada 18 buah sekolah menengah mendapati EK guru adalah tinggi. Manakala dapatan kajian Khalid Johari et al. (2009) yang memfokuskan kepada guru-guru novis di Sabah, mendapati bahawa tahap EK guru-guru novis di Sabah adalah sederhana tinggi. Manakala pencapaian mengikut dimensi EK, didapati bahawa dimensi pengurusan kelas mendahului, dengan diikuti dimensi strategi pengajaran dan penglibatan murid. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, dapatan ini didapati selari dengan dapatan Rahmah et al. (2006) dan Tschannen & Woolfolk (2002).

Walaupun secara keseluruhan EK GPI (penglibatan murid, pengurusan bilik darjah dan strategi pengajaran) adalah sangat tinggi dan (bimbingan akademik dan sahsiah) tinggi, namun masih terdapat ruang penambahbaikan. Hal ini demikian kerana dapatan menunjukkan skor yang diperoleh masih belum mencapai tahap optimum, khususnya aspek bimbingan akademik dan sahsiah. Justeru, GPI perlu mengenal pasti dan mengambil langkah bagi meningkatkan EK.

GPI sebagai *murabbi* berperanan mendidik, membimbing serta mengasuh anak didik dengan penuh kasih sayang bagi mencapai kesempurnaan sendiri yang dizahirkan dalam konsep JERI bagi menuju penghujung jalan kehidupan seseorang manusia, iaitu jiwa-jiwa orang tenang (Ibn Khaldun 1993; al-Ghazali t.th.). Hal ini seperti yang dinyatakan dalam firman Allah s.w.t. surah al-Fajr, 89: 27-30 yang berbunyi:

Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya (27) Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu) (28) Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaKu yang berbahagia (29) Dan masuklah ke dalam Syurga-Ku .

Memandangkan kebejatan gejala sosial remaja dewasa ini, pentingnya peranan GPI sebagai *murabbi* tidak boleh dinafikan. Nabi s.a.w. diutuskan bagi menyempurnakan akhlak manusia, seperti yang dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqî, *Sunan al-Kubrî, kitab al-shahadah, bab bayan mak'irim al-akhlak wa ma'Éliha* (1988: 21301) yang berbunyi:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksud: *Sesungguhnya, aku (Muhammad s.a.w.) telah diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*

Lantas, GPI sebagai individu yang mendukung serta menyebarkan ilmu Islam samada melalui proses P&P, mahupun aktiviti-aktiviti luar, membawa bersama tanggungjawab ini, iaitu membentuk akhlak anak didik mereka. Justeru, sebagai salah satu ejen pembentukan akhlak murid, GPI perlulah menyiapkan diri dengan satu set kualiti atau ciri GPI sebagai *murabbi*. Kualiti ataupun ciri GPI sebagai *murabbi* ini merangkumi penguasaan ilmu agama, pengamalan agama, budaya keilmuan, kemahiran pedagogi, kemahiran psikologi, kemahiran komunikasi, sahsiah dan sumbangan kemasyarakatan (NAbdullah NEh NAlwEn 1968; al-xafEz al-SuwEid 1988; al-xammEdE 1987; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Mohd Kassim Tusin, 2010; al-NaAlEwE 1979).

Pada umumnya, kajian ini telah mendapati bahawa kualiti GPI sebagai *murabbi* berada pada tahap yang sangat tinggi. Namun, jika diteliti kepada setiap dimensi kualiti GPI, tiga daripada lapan dimensi hanya memperoleh tahap tinggi, iaitu dimensi pengamalan agama, kemahiran pedagogi dan sumbangan kemasyarakatan. Manakala dimensi yang mencapai tahap sangat tinggi ialah dimensi pemikiran *rabbani*, penguasaan ilmu agama, budaya keilmuan, kemahiran psikologi, kemahiran komunikasi dan sahsiah.

Dapatan kajian ini juga ternyata membenarkan andaian pengkaji bahawa EK berkorelasi dengan kualiti GPI SMK di sem enanjung Malaysia. Dapatan ini menyokong dapatan kajian lepas yang mendapati bahawa EK guru mempengaruhi amalan pengajaran guru (Ylmaz & Iava, 2008), pengurusan bilik darjah guru (Giallo & Little, 2003), personaliti guru (Roberts et al., 2007) dan sifat tidak mudah mengalah apabila berdepan dengan murid yang lemah (Ross 1995). Manakala ia menyangkal dapatan kajian Barnes (2000) yang mendapati bahawa penurunan EK dalam kalangan guru pelatih tidak menjejaskan kualiti mereka dalam pengajaran.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dapatan kajian ini dapat dirumuskan seperti berikut:

1. EK GPI SMK secara keseluruhan berada pada tahap yang sangat tinggi. Namun demikian, tidak kesemua sub konstruk bagi EK GPI mencapai skor min sangat tinggi. Hal ini demikian kerana sub konstruk “bimbingan akademik dan sahsiah” hanya mencapai tahap tinggi. Manakala sub konstruk EK GPI yang lain mencapai tahap sangat tinggi, dengan pencapaian tertinggi ialah sub konstruk “penglibatan murid”, diikuti dengan sub konstruk “pengurusan bilik darjah” dan sub konstruk “strategi pengajaran”.
2. Kualiti GPI SMK secara keseluruhan berada pada tahap cemerlang. Namun demikian, tidak kesemua sub konstruk kualiti GPI mencapai skor min cemerlang. Hal ini demikian kerana sub konstruk “kemahiran pedagogi”, “sumbangan kemasyarakatan dan “pengamalan agama” hanya mencapai tahap baik. Manakala sub konstruk kualiti GPI yang lain mencapai tahap cemerlang, dengan skor tertinggi ialah sub konstruk “penguasaan ilmu agama”, “pemikiran *rabbani*”, “kemahiran komunikasi”, “sahsiah”, “kemahiran “psikologi” dan “budaya keilmuan”.
3. Terdapat hubungan sederhana antara EK dengan kualiti GPI sekolah menengah kebangsaan.

Daripada rumusan dapatan kajian, adalah dicadangkan agar:

1. GPI perlulah mempertingkatkan tahap EK, khususnya dari aspek bimbingan akademik dan sahsiah. Hal ini demikian memandangkan fenomena era globalisasi memberikan pendedahan kepada murid dari pelbagai sudut, samada pendedahan positif seperti kepantasan mengakses maklumat juga pendedahan negatif seperti ledakan informasi tanpa had. GPI perlu

- berkeyakinan mampu menggunakan segala ilmu dan kemahiran yang dipelajari dan dianugerahkan bagi membimbing murid, baik dari segi akademik mahupun sahsiah.
2. GPI perlulah melazimi amalan *taqarrub* melalui ibadat-ibadat sunat bagi membentukkeperibadian seorang *murabbi*, seperti menunaikan solat secara berjemaah, menunaikan solat *rawatib*, melaksanakan *Qiamulail*, membaca al-Quran setiap hari sekurang-kurangnya 3 muka, membaca Tafsir al-Quran, menghafal lebih daripada 40 hadis nabi, menghafal sekurang-kurangnya 10 surah selain *juz 'amma* dan berpuasa sunat Isnin dan Khamis secara konsisten.
 3. GPI perlulah lebih kreatif dalam menggunakan kaedah serta teknik pengajaran yang berpusatkan pelajar. Hal ini demikian kerana GPI tidak boleh menafikan minat murid era informasi dan teknologi ini yang lebih gemar dengan aktiviti pembelajaran yang aktif serta mencabar.
 4. Tugas GPI sebagai *murabbi* yang merupakan agen perubahan negara, tidak terbatas hanya di sekolah, bahkan GPI juga turut memainkan peranan dalam membentuk masyarakat. Perkara ini perlu direalisasikan melalui penglibatan GPI dalam aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan mengikut bidang kepakaran.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2011. Penghayatan Islam Melalui Pengajaran Dan Pembelajaran. Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasty Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Ab. Halim Tamuri. 2012. The Role of Mosque: The Intergration Approach of Teaching and Learning Process. Anjuran PIMM & The Islamic Academy Cambridge, United Kingdom, International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012, Elaf Kinda Hotel, Mecca, Saudi Arabia, 1-2 Jun
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Diri Pelajar. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Rahman Abdul Malik Khan. 2007. *Guru Sebagai Penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Basmeh. 2010. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikir.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2006. *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Abdullah Md. Din. 2011. Pendidikan Islam Malaysia: Isu Dan Cabaran. Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasty Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Abdullah Nasih 'Alwan. 1968. *Tarbiyyah Al-Awlad Fi Al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Abdullah Sani Yahya. 2005b. *Mengurus Hal Ehwal Pelajar*. dua. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abu-Tineh M. A., Khasawneh, S. A. & Khalaileh, H. A. 2011. Teacher Self-Efficacy and Classroom Management Styles in Jordanian Schools. *Management in Education* 25(4): 175-181.
- Ahmad Kilani Mohamed. 2005. *Pengurususan Pendidikan Di Sekolah Dari Perspektif Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Bayhaqi Ahmad Ibn Husayn. 1988. *Al-Sunan Al-Kubra*. al- Beirut: Majlis Daerah al-Ma'arif al-Nizamiyyah.

- Al-Ghazali Abu Hamid. t.th. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: al-Masyad.
- Al-Hafiz Al-Suwaid Muhammad Nur Ibn Abdullah. 1988. *Manhaj Tarbiyah Nabawiyah Li Al-Tifl*. Kuwait: Muassasah al-Rayyan.
- Al-Hammadi Yusuf. 1987. *Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*. Riyad: Dar al-Marikh li al-Nashr.
- Al-Nahlawi Abdul Rahman. 1979. *Usul Tarbiyyah Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ma'asir.
- Alias Baba. 1996. *Statistik Penyelidikan Dan Pendidikan Dalam Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashton, P. 1984. Teacher Efficacy: A Motivatioanal Paradigm for Effective Teacher Education. *Journal of Teacher Education* 35(5): 28-32.
- Asmawati Suhid. 2005. Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 6: 95-104.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2006. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bandura, A. 1977. Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review* 84(2): 191-215.
- Bandura, A. 1993. Perceived Self-Efficacy in Cognitive Development and Functioning. *Educational psychologist* 28(2): 117-148.
- Bandura, A. 1994. Self-Efficacy. Dlm. Ramachaudran, V. R. (pnyt.). *Encyclopedia of Human Behavior*, hlm. 71-81. New York: Academic Press.
- Bandura, A. 1997. *Self Efficacy in Changing Society*. New York: Cambridge University Press.
- Boyd, D., Grossman, P., Ing, M., Lankford, H., Loeb, S. & Wyckoff, J. 2011. The Influence of School Administrators on Teacher Retention Decisions. *American Educational Research Journal* 48(2): 303-333.
- Brewster, C. & Fager, J. 2000. *Increasing Student Engagement and Motivation: From Time-on-Task to Homework*. Northwest Regional Educational Laboratory.
- Casey, M. 2011. Perceived Efficacy and Preparedness of Beginning Teachers to Differentiate Instruction. Tesis PhD, Faculty of Leadership, Johnson & Wales University.
- Coady, M., Harper, C. & De Jong, E. 2011. From Preservice to Practice: Mainstream Elementary Teacher Beliefs of Preparation and Efficacy with English Language Learners in the State of Florida. *Bilingual Research Journal* 34(2): 223-239.
- Cohen, J. W. 1988. *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Edisi Ke-2. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Corcoran, T. B. 2007. *Teaching Matters: How State and Local Policymakers Can Improve the Quality of Teachers and Teaching*. Philadelphia, PA: Consortium for Policy Research in Education, University of Pennsylvania.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. New Jersey: Pearson Education Ins.
- Darling-Hammond, L., Wei, R. C., Andree, A., Richardson, N. & Orphanos, S. 2009. *Professional Learning in the Learning Profession: A Status Report on Teacher Development in the United States and Abroad*. Washington, DC: National Staff Development Council.
- Donna, T. 2007. A Contextual Measure of Teacher Efficacy for Teaching Primary School Students Who Have Esl. Tesis Ph.D, Faculty of Education, Queensland University of Technology.
- Esah Sulaiman. 2004. *Pengenalan Pedagogi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Giallo, R. & Little, E. 2003. Classroom Behaviour Problems: The Relationship between Preparedness, Classroom Experiences, and Self-Efficacy in Graduate and Student Teachers. *Australian Journal of Educational & Developmental Psychology* 3, 21-34.

- Gibson, S. & Dembo, M. H. 1984. Teacher Efficacy: A Construct Validation. *Journal of Educational Psychology* 76(4): 569-582.
- Guilford, J. P. & Fruchter, B. 1978. *Fundamental Statistics in Psychology and Education*. Ed. Ke-6. Tokyo: McGraw Hill Kogakusha Ltd.
- Guskey, T. R. 1987. Context Variables That Affect Measures of Teacher Efficacy. *Journal of Education Research* 811(4): 41-52.
- Hartman, S. 2010. Teaching American History: The Influence of Professional Development on Elementary Teacher's Self-Efficacy and Classroom Practice. Tesis Dr. Fal, University of Nevada, Reno.
- Hassan Langguling. 1986. *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langguling. 1987. Penghayatan Nilai-Nilai Islam Ditinjau Dari Prses Pembelajaran Dalam Konteks Pendidikan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(5): 13-30.
- Henson, R. K., Bennett, D. T., Sienty, S. F. & Chambers, S. M. 2000. The Relationship between Means-End Task Analysis and Context Specific and Global Efficacy in Emergency Certification Teachers: Exploring a New Model of Efficacy. Kertas kerja Annual Meeting of the American Educational Research Association. Anjuran American Educational Research Association. New Orleans, LA, 24-28 April.
- Henson, R. K., Kogan, L. R. & Vacha-Haase, T. 2001. A Reliability Generalization Study of the Teacher Efficacy Scale and Related Instruments. *Educational and Psychological Measurement* 61(3): 404-420.
- Ibn Khaldun Zaid 'Abdul Rahman Ibn Muhammad. 1993. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Sin. 2001. Pengaruh Kepimpinan Pengajaran, Kepimpinan Tranformasi Dan Gantian Kepada Kepimpinan Ke Atas Komitmen Terhadap Organisasi, Efikasi Dan Kepuasan Kerja Guru. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Khalid Gazali. 2005. Pengaruh Efikasi Kendiri Dan Lokus Kawalan Terhadap Komitmen Mengajar di Kalangan Guru-Guru Kanan Teknikal Dan Vokasional. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru Dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(3-14).
- Khoo Adam & Stuarat Tan. 2004. *Master Your Mind Design Your Destiny*. Singapore: Adam Khoo Learning Publisher.
- Kpm. 2013. Panduan Keurusetiaan Pengurusan Prestasi Di Kementerian Pelajaran Malaysia
- Larson, L. M. 1992. *Counseling Self-Estimated Inventory*. Ames: I. A.
- Mak Moon Song. 2009. *Pengajaran Dan Pembelajaran*. Perak: Multimedia Sdn. Bhd.
- Martínez-López, E., Zagalaz Sánchez, M., Ramos Alvarez, M. & De La Torre Cruz, M. 2010. Self-Efficacy Expectations in Teacher Trainees and the Perceived Role of Schools and Their Physical Education Department in the Educational Treatment of Overweight Students. *European Physical Education Review* 16(3): 251-266.
- Mason, J. H. 2010. Exploring the Influence of High-Stakes Testing and Accountability on Teachers' professional Identities through the Factors of Instructional Practice, Work Environment, and Teacher Efficacy. Tesis Ph.D, Western Carolina University.

- Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh. 2009. Pengurusan Bilik Darjah. Dlm. Noraini Idis & Shuki Osman (pnyt.). *Pengajaran Dan Pembelajaran: Teori Dan Praktis*, hlm. 161 - 188. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mohd Kamal Hassan. 2011. Pendidikan Yang Membentuk Syakhsiah Bangsa Dan Proses Islamisasi. Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasty Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Mohd Kassim Tusin. 2010. Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Sabah. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaysia Sabah.
- Neuman, W. L. 2002. *Social Research Methods: Quantitative and Qualitative Approaches*. Ed. Ke-5. Needham Height, MA: Allyn and Bacon.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. 2012b. Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi: Satu Keperluan Dalam Mendepani Remaja Islam Abad 21. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam 2012, hlm. 239-248.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. 2012h. Psikologi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran: Teladan Bagi Pendidik. Seminar Warisan Nabawi 2012. Anjuran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Uiversiti Sain Islam Malaysia, 28-29 November 2012.
- Pas, E. T., Bradshaw, C. P. & Hershfeldt, P. A. 2011. Teacher-and School-Level Predictors of Teacher Efficacy and Burnout: Identifying Potential Areas for Support. *Journal of School Psychology*
- Rafisah Osman. 2009. *Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dengan Komitmen Dan Efikasi Guru*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Rahmah Murshidi. 2005. Factors Associated with Sense of Efficacy among First Year Teachers in Sarawak. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Rahmah Murshidi, Mohd Majid Konting, Habibah Elias & Foo Say Fooi. 2006. Sense of Efficacy among Beginning Teachers in Sarawak. *Teaching Education* 17(3): 265-275.
- Rimm-Kaufman, S. E. & Sawyer, B. E. 2004. Primary-Grade Teachers' Self-Efficacy Beliefs, Attitudes toward Teaching, and Discipline and Teaching Practice Priorities in Relation to the "Responsive Classroom" Approach. *The Elementary School Journal* 321-341.
- Roberts, T. G., Harlin, J. F. & Briers, G. E. 2007. The Relationship between Teaching Efficacy and Personality Type of Cooperating Teachers. *Journal of Agricultural Education* 48(55-66).
- Rorlinda Yusof. 2009. Kecerdasan Emosi, Efikasi Kendiri Dan Sumbangan Terhadap Komitmen Guru Kaunseling Sekolah Menengah. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ross, J. A. 1995. Strategies for Enhancing Teacher's Belief in Their Effectiveness; Research on a School Improvement Hypothesis. *teacher college record* 97(2): 227-251.
- Saaidah Abdul Rahman. 2005. Pengaruh Iklim Sosial Dan Iklim Tugas Terhadap Sikap Kerja Guru-Guru, Pencapaian Pelajar Dan Keberkesanan Sekolah. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saklofske, D. H., Michayluk, J. O. & Rondhawa, B. S. 1988. Teacher's Efficacy and Teacher Behaviours. *Psychological Reports* 63(2): 407-414.
- Sazali Yusoff. 2004. Pengaruh Efikasi-Kendiri Dan Kecerdasan Emosi Guru Besar Terhadap Efikasi Kolektif Guru Dan Iklim Organisasi Sekolah Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.
- Settlage, J., Southerland, S. A., Smith, L. K. & Ceglie, R. 2009. Constructing a Doubt-Free Teaching Self: Self-Efficacy, Teacher Identity, and Science Instruction within Diverse Settings. *Journal of Research in Science Teaching* 46(1): 102-125.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.

- Steele, N. A. 2010. Three Characteristics of Effective Teachers. *Update: Applications of Research in Music Education* 28(2): 71-78.
- Taha Abdullah Al-'Afifi. 1998. *Min Wasaya Al-Rasul*. Kaherah: Dar al-Zahbiyyah.
- Tengku Lung Kui. 2006. Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Efikasi Kendiri Guru Di Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak. Tesis Dr. Fal. , Universiti Putra Malaysia.
- Trentham, L., Silvern, S. & Brogdon, R. 1985. Teacher Efficacy and Teacher Competency Ratings. *Psychology in the Schools* 22(3): 343-352.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C. R. 2004. Principals' Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. *Journal of Educational Administration* 42(5): 573-585.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W. & Hoy, W. K. 1998. Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Review of educational research* 68(2): 202-248.
- Weisel, A. & Dror, O. 2006. School Climate, Sense of Efficacy and Israeli Teachers' Attitudes toward Inclusion of Students with Special Needs. *Education, Citizenship and Social Justice* 1(2): 157-174.
- Yahya Don, Azah Ismail & Yaakub Daud. 2006. *Pembangunan Dan Kepimpinan Pelajar Sekolah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ylmaz, H. & İava, P. 2008. The Effect of the Teaching Practice on Pre-Service Elementary Teachers' Science Teaching Efficacy and Classroom Management Beliefs. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education* 4(1): 45-54.
- Yoon, S. J. 2002. Teacher Characteristics as Predictors of Teacher-Student Relationships: Stress, Negative Affect, and Self-Efficacy. *Social Behavior and Personality: an International Journal* 30(5): 485-493.
- Zuria Mahmud. 2002. *Profesion Perguruan: Cabaran Pendidikan Masa Kini*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

